

ANALISIS KEPENGARANGAN MANA SIKANA DALAM KUMPULAN CERPEN CINTA JUNJUNGAN

Analysis of Mana Sikana's Authorship in Short Story Group Cinta Junjungan

Khatijah Mohd Rahim* & Norazimah Zakaria

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*khatijahrahim96@gmail.com; norazimah@fbk.edu.my

Published: 30 Disember 2024

To cite this article (APA): Mohd Rahim, K., & Zakaria, N.. (2025). Analisis kepengarangan Mana Sikana dalam kumpulan cerpen Cinta Junjungan. *Jurnal Peradaban Melayu*, 19(2), 55-65. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.2.6.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.2.6.2024>

ABSTRAK

Kajian ini difokuskan pada analisis kepengarangan Mana Sikana dalam kumpulan cerpen "Cinta Junjungan". Objektifnya adalah untuk meneliti kehadiran subjek dan persoalan dalam karya tersebut serta menghuraikan pelanggaran yang mungkin terdapat dalam cerpen-cerpen tersebut. Teori Teksdealisme telah diaplikasikan, iaitu prinsip kehadiran dan pelanggaran telah diberikan tumpuan. Reka bentuk kajian kualitatif dengan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan telah digunakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Mana Sikana menggunakan pelbagai sumber untuk menghasilkan cerpen-cerpen berikut, termasuk pengalaman peribadi, penyelidikan, pembacaan, persekitaran, penglihatan, pendengaran dan latar belakang pekerjaan. Subjek-subjek yang diutarakan dalam cerpen-cerpen tersebut termasuklah isu keagamaan, patriotisme, sejarah dan politik. Ini menunjukkan bahawa pengarang berusaha untuk menyampaikan pelbagai isu yang relevan dan penting dalam masyarakat. Selain itu, kajian juga mengenal pasti adanya pelanggaran dalam cerpen-cerpen tersebut dari segi subjek dan persoalan. Ini menunjukkan bahawa pengarang tidak hanya mematuhi norma-norma sastera yang konvensional, tetapi juga mencabar batasan-batasan tersebut untuk membawa pengalaman baru kepada pembaca. Implikasi kajian ini sangat relevan dalam memahami kepengarangannya Mana Sikana dalam aspek kehadiran dan pelanggaran. Hal ini juga mendorong khalayak untuk membuat pemilihan karya-karya yang berkualiti tinggi dan memotivasikan pengarang supaya terus meraih tahap keunggulan dalam penghasilan karya-karya.

Kata kunci: Kepengarangan; kehadiran; pelanggaran; keagamaan; patriotisme; sejarah

ABSTRACT

This study focuses on the analysis of the authorship of Mana Sikana in the group of short stories "Cinta Junjungan". The objective is to define the presence of subjects and questions in the work as well as to analyse collisions in the fragments. The theory of textualism has been applied, that is, the principle of presence and collision has been given a focus. Qualitative study design with library methods and content analysis have been used. Studies show that Mana Sikana uses a variety of resources to produce the following footage, including personal experience, research, reading, environment, vision, hearing and work background. The subjects discussed in these sections include religious, patriotism, historical and political issues. This shows that the author strives to convey a variety of issues that are relevant and important in society. Furthermore, the study also identified violations in these fragments in terms of subjects and questions. This shows that the author not only adheres to conventional literary norms but also challenges those limits to bring new experiences to the reader. The implications of this study are very relevant in understanding the properties of what behavior is in the aspects of presence and pervasiveness. It also encourages the public to make a selection of high-quality works and motivates authors to continue to a level of excellence in the production of the works.

Keywords: *Autorship; presence; collision; religious; patriotism; historical*

PENGENALAN

Pengarang dan karya-karyanya memiliki hubungan yang sangat erat. Dalam konteks kepengarangan, pengarang tidak boleh dipisahkan dari karyanya kerana karya merupakan manifestasi dari pengalaman, idealisme dan proses penciptaan yang unik bagi pengarang tersebut. Ghazali Din (2016) menggambarkan kepengarangan sebagai suatu proses pemindahan persekitaran yang realiti dalam satu proses yang unik, kesendirian dan kompleks.

Kajian kepengarangan memberi peluang kepada pengkaji memahami hubungan latar belakang dan proses penciptaan kerana pengarang tidak boleh dipisahkan daripada karya. Selain itu, aspek kepengarangan seseorang pengarang juga tidak boleh dikesampingkan kerana setiap pengarang memiliki keunikan, kerahsiaan, episod-episod kehidupan serta proses penciptaan karya kreatif yang wajar dikaji secara ilmiah. Prinsip dalam kepengarangan atau pegangan-pegangan didorong oleh sebab-sebab tertentu serta pengalaman tertentu.

Dalam konteks cerpen, subjek dan persoalan menjadi fokus utama. Pengarang memilih subjek dan persoalan berdasarkan pada isu-isu yang relevan dengan lingkungannya dan pengalaman peribadinya. Penggunaan pengalaman peribadi, imaginasi, penyelidikan dan membaca menjadi sumber inspirasi bagi pengarang dalam menciptakan cerpennya. Cerpen-cerpen Mana Sikana telah menyajikan pelbagai subjek dan persoalan yang bersesuaian mengikut peredaran masa dan mendapat khalayak ramai. Pemilihan subjek dan persoalan oleh pengarang adalah berdasarkan kepada isu-isu yang berlaku di sekelilingnya dan pengalaman diri sendiri.

Perlanggaran merupakan konsep penting dalam kepengarangan yang menggambarkan proses penciptaan dinamik untuk mencari pembaharuan dalam berkarya (Mana Sikana, 2012). Pengarang berusaha untuk terus memperbaharui karyanya, menunjukkan kesedaran akan konsep kepengarangannya. Konsep ini juga mencerminkan keinginan pengarang untuk terus meningkatkan dan memperbaiki karyanya serta membawa unsur-unsur revolusi dalam sastera.

Kumpulan cerpen yang dimaksudkan adalah cerita-cerita pendek yang digabungkan dalam satu naskhah oleh pengarang sastera, iaitu Abdul Rahman Napiah atau nama penanya Mana Sikana. Salah satu kumpulan cerpen Mana Sikana telah digunakan dalam kajian ini iaitu *Cinta Junjungan* (2023). Daripada 20 buah cerpen yang terkandung dalam kumpulan cerpen tersebut, hanya 3 buah cerpen sahaja digunakan dalam menjawab persoalan kajian. Pengkaji menganalisis isi kandungan cerpen-cerpen tersebut dengan mengenal pasti elemen prinsip kehadiran serta menganalisis prinsip perlanggaran tersebut dengan menggunakan teori Teksdealisme.

Jadual 1: Cerpen pilihan

Judul Cerpen	Tahun
1. <i>Bekor</i>	1995
2. <i>Cinta Junjungan</i>	2021
3. <i>Simulasi Tuan Basurd</i>	2021

Prinsip-prinsip yang terdapat dalam Teori Teksdealisme merangkumi prinsip kehadiran, prinsip perlanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme. Menurut Mana Sikana (1996, ms. 75), Teori Teksdealisme juga merupakan Teori Keunggulan. Kepengarangan mendorong seseorang pengarang supaya berusaha memajukan diri dengan menghasilkan karya-karya yang bermutu berdasarkan teori keunggulan ini. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada prinsip kehadiran dan perlanggaran sahaja.

PERNYATAAN MASALAH

Dalam kajian ini aspek prinsip kehadiran dan pelanggaran difokuskan terhadap cerpen Mana Sikana berdasarkan aplikasi dalam Teori Teksdealisme. Pengkaji telah menggunakan tiga cerpen, daripada kumpulan cerpen *Cinta Junjungan* (2023) iaitu *Bekor* (1995), *Cinta Junjungan* (2021) dan *Simulasi Tuan Basurd* (2021). Pengkaji akan menganalisis setiap ujaran dalam penceritaan yang berbentuk kehadiran dan pelanggaran mengaplikasikan Teori Teksdealisme.

Sejak tahun 1960-an, Mana Sikana melibatkan diri dalam bidang penulisan. Beliau mula melebarkan sayap dalam bidang penulisan sejak menuntut di universiti. Penulisan beliau merangkumi cerpen, drama, novel serta kritikan sastera. Melalui penulisan karya-karyanya, beliau telah meraih pelbagai anugerah. Selain penulis, beliau juga seorang penteoris dan pengkritik sastera. Karya dan penulisan beliau telah melalui pelbagai perubahan dari segi pemikiran dan aliran. Selain itu, beliau juga sering melakukan pembaharuan dalam penulisannya seiring dengan peredaran zaman.

Sehingga hari ini beliau masih lagi giat dalam bidang penulisan walaupun sudah bersara dari kerja hakikinya sebagai seorang pensyarah. Karya beliau yang terkini adalah kumpulan cerpen yang bertajuk *Cinta Junjungan* telah diterbitkan pada tahun 2023. Kumpulan cerpen tersebut beraliran metasejarah dan mengandungi 20 buah cerpen. Karya beliau ini disifatkan mencapai tahap keunggulan kepengarangan kerana beliau menghasilkan karya tersebut dengan menerapkan elemen sejarah dalam realiti kehidupan sebenar masyarakat. Karya-karya yang seperti ini perlu diangkat dan ditonjolkan kepada generasi muda pada hari ini sebagai elemen pembinaan jati diri yang dianggap semakin tiris.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengetahui pasti kehadiran subjek dan persoalan yang terdapat dalam cerpen-cerpen Mana Sikana.
- ii. Menganalisis prinsip pelanggaran yang terdapat dalam cerpen-cerpen Mana Sikana.

SOALAN KAJIAN

- i. Apakah kehadiran subjek dan persoalan Mana Sikana dalam penulisan cerpen?
- ii. Bagaimanakah prinsip pelanggaran dimanfaatkan oleh Mana Sikana?

SOROTAN LITERATUR

Sebuah kajian bertajuk ‘Analisis Dakwah dalam Cerpen-cerpen Terpilih Rejab F.I. telah dijalankan oleh sekumpulan pengkaji iaitu Osman Ayob, Roslan Chin dan Tuan Rusmawati Raja Hassan pada tahun 2020 dari Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia. Teori Pengkaidahan Melayu telah diaplikasikan dalam kajian ini. Terdapat empat tema yang dipaparkan menerusi pendekatan dakwah iaitu takwa, keadilan, ilmu dan taubat melalui analisis yang menjurus kepada watak dan perwatakan. Gambaran landskap pemikiran masyarakat Melayu yang ditemukan melalui elemen dakwah dalam cerpen-cerpen terpilih Rejab F.I. berkisar pada nilai hidup semasa serta berkait rapat dengan aspek kemanusiaan dengan kepelbagaian rencah kehidupan yang padat dan kompleks.

Seterusnya, Rosanita Hussin (2018) dalam kajiannya bertajuk ‘Psikologi Kanak-kanak dalam Cerpen-cerpen Terpilih Zaharah Nawawi’ dari Universiti Sains Malaysia dikemukakan bagi Ijazah Sarjana Sastera. Dengan mengaplikasikan teori psikologi yang memberi fokus kepada Teori Psikoanalisis Sigmund Freud, pengkaji merungkai tentang tingkah laku kanak-kanak daripada cerpen-cerpen yang dipilih. Cerpen-cerpen Zaharah Nawawi yang diketengahkan pengkaji adalah *Komputer Baru untuk Mama* (1998), *Wangian Bukit Peranginan* (2002) dan *Di Hujung Penantian* (1993). Pengkaji meneliti personaliti kanak-kanak berdasarkan tiga bahagian iaitu alam sedar, alam prasedar dan alam bawah

sedar. Bahagian-bahagian ini dibandingkan dengan peringkat -peringkat perkembangan personaliti manusia iaitu id, ego dan superego. Cerpen-cerpen Zaharah Nawawi banyak menonjolkan perlakuan positif kanak-kanak berbanding perlakuan negatif berdasarkan dapatan pengkaji. Penerapan unsur positif dalam cerpen-cerpen Zaharah Nawawi membuktikan bahawa karya beliau sesuai digunakan dalam silibus sekolah di bawah mata pelajaran KOMSAS.

Ahmad Zaidi Baharuddin dan Ani Omar (2018) telah menjalankan kajian yang bertajuk 'Pemikiran Mana Sikana dalam Drama' dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. Menerusi artikel ini, kajian berkenaan kepengarangan ini dijalankan oleh pengkaji bagi melihat aspek pemikiran Mana Sikana dalam drama menggunakan Teori Teksdealisme iaitu aspek kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individualisme. Pengkaji telah mengupas pemikiran Mana Sikana dalam teks-teks drama iaitu *Ihsan, Tanah di Hujung Bendang, Pengadilan, Hikmah, Mustaqima, Apa-apa, Di Hujung Taming Sari, Pasir-pasir di Pasir Salak* dan *Air Mata Naning*. Hasil akhir kajian mendapati bahawa drama-drama Mana Sikana mempunyai pelbagai tingkat pengalaman di mana beliau telah melakukan perlanggaran terhadap konvensi sastera termasuklah perlanggaran terhadap aliran, watak dan teknik bagi meletakkan mutu drama ke tahap yang lebih bermutu selaras dengan gagasan prinsip perlanggaran dan pengukuhan dalam Teori Teksdealisme. Jati diri pengarang juga ditemui daripada kajian ini yang merangkumi lima aspek iaitu subjektiviti, stail, reka cipta individu, kedirian individu dan tindakan individu yang seiring dengan konsep keperibadian dalam Teksdealisme. Secara keseluruhannya, keberhasilan Teori Teksdealisme mencungkil kepengarangan Mana Sikana serta menunjukkan kebolehan dan kekuatan teori tempatan untuk meneroka khazanah-khazanah dunia kesusasteraan dapat dibuktikan melalui kajian ini.

Tinjauan literatur selanjutnya merujuk penulisan oleh Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din dan Phaosan Jehwae di dalam artikel yang bertajuk 'Keunggulan Kepengarangan Novel-novel Terpilih Anwar Ridhwan'. Artikel ilmiah Kesusasteraan Melayu ini diterbitkan oleh PENDETA (*Journal of Malay Language, Education dan Literature*) pada tahun 2020. Tujuan kajian adalah untuk meneliti keunggulan kepengarangan novel Naratif Ogoshonto dan novel Penyeberang Sempadan yang dianalisis menggunakan Teori Teksdealisme. Novel-novel tersebut dikarang oleh Anwar Ridhwan yang merupakan tokoh Sasterawan Negara ke-10. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa Anwar Ridhwan telah mencapai keunggulan kepengarangan dan menemukan konsep keunggulan baharu iaitu Citra Keunggulan Insan melalui tiga prinsip utama iaitu prinsip hijrah, prinsip jati diri dan prinsip insaniah. Tambahan pula, kepengarangan Anwar Ridhwan penuh dengan falsafah kehidupan insan, budaya masyarakat, simbolisme citra warisan dan wawasan yang unggul.

Kajian berkaitan kepengarangan yang lain adalah oleh Manonmani Devi M.A.R Annamalai dan Latha A/P Murugusu (2022) yang bertajuk 'Kepengarangan Mu. Anbuchelvan dari Perspektif Teori Teksdealisme'. Artikel ini telah diterbitkan oleh *Jurnal Pendidikan dan Sains Sosial*. Kajian ini bertujuan untuk melihat keunggulan kepengarangan Mu. Anbuchelvan terhadap lima kumpulan cerpen yang dihasilkan dari tahun 1971 hingga 2008 iaitu *Thavathin Valimai* (1971), *Thi: pangkal*: (1981), *Mu. Anbuchelvan Citukathaikal*: (1988), *Vil-ithhirukkum I: yakkut: taikal* (2001) dan *Arai Nhutta: n: tuc Citukathaikal* (2008). Selain itu, kajian ini juga akan meneliti kehadiran subjek dan persoalan dan menghuraikan perlanggaran dalam kumpulan cerpen Mu. Anbuchelvan. Reka bentuk kajian ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Pengkaji dapat merumuskan bahawa pengarang mengaplikasikan pengalaman sendiri, penyelidikan, persekitaran, pembacaan, penglihatan, pendengaran dan latar pekerjaan dalam menghasilkan lima kumpulan cerpen ini. Pengarang juga telah melakukan perlanggaran dari segi subjek dan persoalan serta aliran. Secara keseluruhannya, pengalaman peribadi yang pernah dilalui pengarang semasa zaman kanak-kanak sehingga dewasa dimanfaatkan dalam menghasilkan karyanya. Mu. Anbuchelvan juga berani membuat perlanggaran baik dari aspek subjek dan persoalan serta aliran.

Pendedahan dan penekanan elemen perlanggaran dalam menghayati karya kesusasteraan bagi tujuan penerapan nilai-nilai murni kemanusiaan kepada audiens pembaca dan para peminat karya kesusasteraan tanah air jelas ditonjolkan melalui sorotan kajian lepas yang dibincangkan. Oleh itu, pengkaji ingin mengenengahkan bagaimana prinsip perlanggaran dapat diterapkan daripada cerpen-cerpen Mana Sikana.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara analisis tekstual melalui kaedah kualitatif berdasarkan isi kandungan cerpen-cerpen Mana Sikana, iaitu *Bekor* (1995), *Cinta Junjungan* (2021) dan *Simulasi Tuan Basurd* (2021). Segala isu dan cetusan peristiwa berkaitan prinsip kehadiran dan perlanggaran iaitu suatu proses penciptaan dinamik untuk mencari pembaharuan dalam berkarya dalam cerpen-cerpen Mana Sikana ini dijadikan sebagai bahan analisis dengan pengaplikasian Teori Teksdealisme.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Penelitian berkaitan dengan prinsip kehadiran dan perlanggaran dalam cerpen-cerpen pilihan Mana Sikana dijalankan dengan menganalisis kandungan dan menerokai mesej-mesej pembaharuan yang mutakhir dalam tiga buah cerpen pilihan Mana Sikana, iaitu:

- i. *Bekor*
- ii. *Cinta Junjungan*
- iii. *Simulasi Tuan Basurd*

Mengenal pasti kehadiran subjek dan persoalan yang terdapat dalam cerpen-cerpen Mana Sikana

Peringkat terawal dalam proses menuju keunggulan yang menyediakan jalan rintis dunia penulisan Mana Sikana bermula daripada prinsip kehadiran daripada Teori Teksdealisme. Kreativiti dalam penghasilan teks bergantung kepada pengalaman yang dialami oleh pengarang. Pemikiran pengarang akan dicerna, disusun dan diciptakan dalam bentuk teks atau karya kreatif apabila wujud aspek kehadiran. Manakala, khalayak mula menyedari kehadiran apabila teks itu telah siap dan sampai ke tangan pembaca. Tiga perspektif yang menjadi faktor kajian prinsip kehadiran iaitu fakta-fakta yang hadir dan sumber kehadiran, bagaimana fakta tersebut hadir di dalam teks dan fungsi serta kesan kehadiran (Abdul Halim Ali, 2011).

Dalam proses kehadiran, Mana Sikana memperoleh idea dan sumber awal dalam mengolah dan menghasilkan karya yang unggul melalui pengalaman terhadap sesuatu peristiwa. Melalui ketiga-tiga cerpen yang dikaji, pengkaji mendapati unsur-unsur yang hadir adalah daripada pengalaman hidup atau sejarah yang dilalui, pengalaman perkhidmatan, pengalaman kehidupan masyarakat dan pengalaman pembacaan dan penyelidikan.

Dalam konteks kepengarangan Mana Sikana, kumpulan cerpen yang dianalisis telah dihidirkan daripada sumber-sumber pengalaman pengarang itu sendiri. Beliau pernah berkhidmat sebagai seorang guru dan pensyarah di beberapa universiti terkemuka di dalam dan luar negara seperti di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Teknologi Nanyang, Singapura. Oleh itu, sumber utama dalam penghasilan karya pengarang dimanfaatkan dan dimasukkan melalui pengalaman-pengalaman pengarang itu sendiri. Sebagai contoh, jalan cerita yang berlatarbelakangkan kehidupan pensyarah yang terlibat dalam dunia penulisan karya kreatif jelas dipaparkan dalam cerpen *Simulasi Tuan Basurd* (2021) melalui watak Dr. Subari.

Selain itu, faktor-faktor persekitaran berperanan penting dalam meninggalkan kesan terhadap diri pengarang, masyarakat dan juga karya seperti latar masyarakat, dan suasana sekelilingnya yang membentuk corak baharu dalam penghasilan cerpennya. Melalui pembacaan dan penyelidikan daripada Sirah Rasulullah, pengarang menyampaikan teladan dan panduan kepada khalayak dalam mewujudkan masyarakat harmoni. Sebagai contoh, daripada cerpen *Cinta Junjungan* (2021), pengarang memuatkan perjalanan hidup Rasulullah bermula daripada permulaan dalam kerjaya perniagaan sehinggalah kehidupan baginda.

Kehadiran Nilai Keagamaan

Mana Sikana memaparkan pelbagai peristiwa dalam masyarakat Melayu melalui cerpen *Bekor* (1995) yang menghadirkan persoalan tentang tanggungjawab seorang yang beragama Islam iaitu mendirikan solat dan taat dengan perintah Allah S.W.T. Pengarang telah menghadirkan watak Pak Ngah Rauf yang merupakan ketua kampung sentiasa memastikan tanah airnya berada dalam keadaan aman dan sejahtera serta bebas daripada penindasan pihak komunis. Kehadiran persoalan ini menjadi sumber pengalaman pengarang sendiri iaitu penulis karya yang berunsurkan keislaman dan pencipta Teori Taabudiyyah.

Pengarang menggambarkan watak Pak Ngah Rauf sebagai seorang pemimpin yang berani menanggung risiko demi penduduk kampungnya. Walaupun beliau diugut oleh pihak komunis, namun tekad menyemarakkan semangat juang kepada penduduk Kampung Aman. Umat Islam dituntut untuk menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Tindakan pihak komunis yang dikatakan melampaui batas kemanusiaan telah menimbulkan kebangkitan masyarakat tempatan. Perkara ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

“Kita tidak akan bekerjasama dengan komunis!” kata Pak Ngah Rauf dengan penuh nekad. “Kita mesti pertahankan Kampung Aman ini supaya betul-betul aman. Kita takkan benarkan mereka nak jadikan kampung kita sebagai markas mereka!”. (*Bekor*; 1995)

Pemaparan Horizon Sejarah

Mana Sikana dalam cerpen *Cinta Junjungan* (2021) menghadirkan persoalan tentang kecekalan seorang remaja untuk menyara kehidupannya dengan perniagaan melalui watak Salim. Kehadiran subjek ini menjadi sumber penyelidikan dan pembacaan iaitu daripada Sirah Rasulullah S.A.W. Melalui penyelidikan, Mana Sikana dapat mencernakan kisah-kisah terkandung dalam perjalanan hidup junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W. Mesej-mesej yang dipaparkan oleh pengarang menjadi teladan hidup kepada khalayak terutamanya kepada penganut agama Islam.

Pengarang secara langsung membincangkan sirah perniagaan Rasulullah S.A.W melalui strategi, kaedah dan sistem perniagaan yang diaplikasikan Baginda. Model perniagaan yang diamalkan oleh Baginda disifatkan sebagai mesra pelanggan serta memperoleh keuntungan yang besar dan barakah. Watak Salim dipaparkan sebagai pemuda yang berusaha memajukan dirinya dengan menceburi bidang perniagaan sejak daripada kanak-kanak sehinggalah beliau menjadi ahli perniagaan yang berjaya.

Menurut Muhammad Zulian Alfarizi (2020), perniagaan adalah salah satu cara bagi menjemput rezeki daripada Allah. Etika dalam berniaga yang diamalkan oleh Rasulullah dipaparkan secara jelas dan diamalkan oleh watak Salim supaya perniagaan yang dibentuk memperoleh hasil yang besar dan sesuai dengan syariat Islam. Melalui sedutan daripada cerpen *Cinta Junjungan* (2021) ini, pengarang mendorong khalayak agar jujur dan amanah dalam berniaga. Bekerja secara ikhlas bukanlah untuk mendapatkan keuntungan semata bahkan berkait rapat dengan kepuasan diri seseorang manusia. Insan yang mulia seperti yang digambarkan dalam sirah hidup Nabi Muhammad perlu ada pada setiap umat manusia. Perkara ini dapat dibuktikan melalui teks ini.

“Salim berazam untuk mengikuti jejak perniagaan Baginda Junjungan yang menumpukan kepada perdagangan selepas kehilangan cintanya. Baginda telah membesarkan syarikat perniagaannya, dengan meneruskanke pasar-pasar besar yang terjangkau oleh kemampuannya. Berkat tabah dan sifat kejujuran, Baginda berjaya menjadi seorang pedagang yang berjaya dan memiliki harta yang banyak.” (*Cinta Junjungan*; 2021)

Kehadiran Unsur Patriotisme

Cerpen *Bekor* (1995), persoalan yang dihadirkan adalah tentang perjuangan masyarakat Kampung Aman mempertahankan keamanan kampung mereka daripada penindasan pihak komunis. Pengarang menghadirkan persoalan ini melalui sumber pembacaan berserta imajinasinya. Cerpen ini diadaptasi melalui peristiwa pendudukan komunis di negara kita yang menimbulkan perpecahan antara kaum Melayu dengan kaum Cina.

Setelah Jepun menyerah kalah di Tanah Melayu selepas peristiwa pengeboman di Hiroshima dan Nagasaki, Tanah Melayu mengalami kekosongan pentadbiran. Oleh itu, pihak komunis muncul membuat kekacauan di Tanah Melayu yang bertujuan untuk menyebarkan kefahaman mereka serta mendapatkan wilayah. Peristiwa ini telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat tempatan. Masyarakat tempatan bangkit mempertahankan tanah air mereka apabila ramai yang ditindas oleh pihak komunis terutamanya golongan wanita, kanak-kanak dan orang tua. Pihak komunis juga turut memecahbelahkan perpaduan antara kaum Cina dan Melayu. Ini dapat dibuktikan melalui teks berikut:

“Ketua kampung tidak mahu timbul buruk sangka atau perbalahan antara kaum Melayu dan Cina. Ini akan menimbulkan huru-hara. Perpaduan tidak dapat diwujudkan, ini akan merosakkan negara.”
(*Bekor*; 1995)

Pada masa itu, pihak komunis bertindak kejam terhadap penduduk Kampung Aman. Pengarang menggambarkan penderitaan yang dialami oleh penduduk kampung sekiranya mereka tidak mendengar arahan pihak komunis, sama ada dibunuh atau dibakar tanpa belas kasihan. Selain itu, pengarang juga menghadirkan semangat patriotisme penduduk kampung yang tetap bekerjasama mempertahankan kampung mereka walaupun pada akhirnya mereka tumpas di tangan komunis.

Kehadiran Sarkastik Politik

Pembacaan dan penyelidikan Mana Sikana dalam bidang politik banyak mempengaruhi kepengarangan beliau dalam karya-karyanya. Pada masa ini, kecenderungan penulis-penulis Malaysia untuk menerapkan unsur-unsur persoalan politik dalam karya-karya yang dihasilkan secara tersurat mahupun tersirat. Kemajuan yang dihadapi manusia seiring dengan perkembangan dunia dan politik. Menurut Mana Sikana (1995, hlm.19) sebagai anggota masyarakat penulis turut merasai pergolakan politik yang melanda sesebuah negara. Hasil daripada pembacaan, Mana Sikana terserlah dalam cerpen *Simulasi Tuan Basurd* (2021).

Dalam cerpen *Simulasi Tuan Basurd* (2021), pengarang memaparkan usaha dan strategi setiap pemimpin parti politik yang bertanding untuk menjadi ketua negara. Pemimpin yang memiliki nilai-nilai murni seperti jujur, amanah, prihatin, bertanggungjawab dan tulus dalam setiap tugas tanpa meletakkan kepentingan diri sendiri adalah ciri-ciri pemimpin yang diinginkan oleh rakyat. Gambaran pengarang terhadap sikap segelintir ahli politik yang menggunakan parti untuk kepentingan sendiri dipaparkan melalui beberapa watak ahli politik dalam karyanya. Kebanyakan ahli politik menjadikan parti politik sebagai peluang untuk mengejar publisiti dan mengabaikan peranan dan tanggungjawab hakiki seorang pemimpin. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan teks berikut:

“Saya merasa tidak seorang pun yang layak menjadi Kepala Negara,” kata Pemuda itu dengan pasti membuat telahan. “Sekarang ini seluruh warga sudah celik dan cendekia, sudah tahu memilih, yang mana intan, yang mana batu.” (*Simulasi Tuan Basurd*; 2021)

Ahli politik mempunyai tugas dan tanggungjawab utama untuk berkhidmat kepada rakyat. Oleh itu, pengarang menyampaikan mesej supaya ahli politik berkhidmat dengan jujur, ikhlas dan bukan

bermatlamat untuk kepentingan peribadi. Dalam pada itu, rakyat menginginkan pemimpin negara yang telus dan jujur untuk membantu rakyatnya serta mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang politik bukan mengharapkan apa-apa balasan. Dalam cerpen *Simulasi Tuan Basurd* (2021) melalui watak Tuan Basurd dianggap sebagai penasihat dalam bidang politik telah dipilih untuk menjadi ketua negara kerana kredibiliti yang dimiliki oleh beliau.

Menganalisis prinsip perlanggaran yang terdapat dalam cerpen-cerpen Mana Sikana

Prinsip perlanggaran adalah prinsip kedua yang digagaskan oleh Mana Sikana dalam Teori Teksdealisme. Garapan prinsip perlanggaran bertujuan untuk menyedarkan pengarang dalam mencipta karya-karya yang unggul serta memperlihatkan taraf keunggulannya. Dalam diri setiap pengarang akan wujud keinginan untuk memperbaiki dan memperbaharui setiap karya yang diciptanya.

Mana Sikana (1996) menjelaskan maksud inovatif iaitu pembaharuan dalam setiap karya. Setiap teks dan diri pengarang mempunyai ciri khas yang unik dan kreatif. Kepengarangan Mana Sikana dalam karya disifatkan sebagai berani dan bijaksana dalam melakukan inovasi serta mengikut peredaran zaman. Selain itu, Mana Sikana juga pengarang yang berani melakukan perubahan struktur dalaman dan luaran dalam karya melalui prinsip ini.

Penelitian pengkaji mendapati Mana Sikana telah melakukan perlanggaran dalam penghasilan cerpennya dari konteks kepengarangan. Setiap satu cerpen beliau akan dianalisis dengan teliti bagi melihat sejauh mana prinsip perlanggaran telah diterapkan oleh pengarang. Subjek dan persoalan adalah aspek yang akan dikaji dalam teks karya Mana Sikana.

Perlanggaran Subjek dan Persoalan

Subjek dan persoalan yang pelbagai telah digunakan Mana Sikana dalam penceritaan karyanya. Antaranya termasuklah keagamaan, patriotisme, sejarah, politik dan sebagainya. Mana Sikana mengetengahkan unsur falsafah kehidupan masyarakat Melayu melalui prinsip perlanggaran subjek dan persoalan. Karya yang bermutu tinggi telah dihasilkan oleh Mana Sikana dengan mencerminkan jati diri dan sumber pengalaman yang diperoleh.

Dalam cerpen *Bekor* (1995), pengarang membicarakan subjek iaitu masyarakat kampung di negara ini. Persoalan keagamaan yang menjurus kepada nilai tanggungjawab sebagai seorang yang beragama Islam untuk mendirikan solat. Penerapan ini mendorong seseorang untuk berpegang teguh kepada Tuhan walaupun berada di saat genting. Selain itu, berpegang teguh kepada agama juga membimbing manusia bertindak secara rasional apabila berdepan dengan musuh. Unsur keagamaan yang dihadirkan dapat dibuktikan melalui petikan teks berikut:

“Tidak berapa lama kemudian komunis itu pun pergi. Pak Imam terus ke sungai. Dia mengambil air sembahyang. Naik dan terus berjalan ke surau. Selepas sembahyang Zohor, dia terus ke rumah ketua kampung.” (*Bekor*; 1995)

Pengarang melalui cerpen ini menyampaikan maklumat kepada khalayak bahawa nilai bertanggungjawab sangat penting dalam diri individu. Perkara ini memberi kesedaran kepada khalayak supaya mengamalkan suruhan agama dalam kehidupan seharian. Hal ini dapat mendorong insan bertanggungjawab menjalankan amanah bagi mewujudkan keamanan dan kesejahteraan hidup. Oleh itu, pengarang menekankan bahawa aspek agama perlu menjadi keutamaan bagi setiap manusia.

Dalam cerpen kedua, iaitu *Cinta Junjungan* (2021), pengarang memaparkan subjek seorang pemuda yang sangat meminati bidang perniagaan sejak dari kecil lagi. Pemuda yang bernama Salim suka mencuba sesuatu yang baru dalam perniagaan. Beliau sering belajar strategi perniagaan daripada sirah Rasulullah S.A.W. Pengarang juga menunjukkan perjalanan kerjaya Rasulullah dalam cerpennya. Sebagai seseorang yang beragama Islam, sunnah Nabi menjadi contoh peribadi yang mulia dan menjadi

ikutan. Dalam cerpen ini juga, persoalan keagamaan dikekalkan oleh pengarang dan menganggap perkara itu merupakan elemen penting kepada kehidupan manusia. Amalan yang diamalkan oleh Rasulullah dalam bidang perniagaan dapat dibuktikan melalui teks ini:

“Strategi, kaedah dan sistem perniagaan yang diaplikasikan Baginda yang mesra pelanggan, Baginda telah memperoleh keuntungan yang besar. Siti Khadijah terpesona dengan kemampuan luar biasa Junjungan itu, dan dibantu oleh akhlakunya yang tinggi, membuat terbuka cintanya setelah dua kali menjadi janda.” (*Cinta Junjungan*; 2021)

Melalui cerpen ini, pengarang secara jelas menunjukkan bahawa kita perlu sentiasa mendalami dan menghayati sirah Rasulullah dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Semangat dan usaha Rasulullah perlu kita jadikan iktibar di mana Baginda bermula dari bawah sehinggalah dapat menguasai ekonomi Tanah Arab ketika itu. Pelbagai strategi perniagaan yang diamalkan amat telus dan wajar diikuti oleh umat manusia.

Mana Sikana turut melakukan pelanggaran dari aspek unsur patriotisme melalui cerpen *Bekor* (1995). Cerpen ini diadaptasi daripada peristiwa pendudukan komunis di Tanah Melayu sekitar tahun 1940-an selepas pihak Jepun menyerah kalah akibat pengeboman di Hiroshima dan Nagasaki. Pihak komunis melakukan penindasan terhadap masyarakat kampung dan berhasrat memecahbelahkan kaum Cina dan kaum Melayu. Hal ini telah membangkitkan semangat juang penduduk setempat untuk mengembalikan keamanan tanah air mereka. Hal ini dibuktikan melalui petikan teks tersebut:

“Kita tidak akan bekerjasama dengan komunis!” kata Pak Ngah Rauf dengan penuh nekad. “Kita mesti pertahankan Kampung Aman ini supaya betul-betul aman. Kita takkan benarkan mereka nak jadikan kampung kita sebagai markas mereka!” (*Bekor*; 1995)

Pengarang menyampaikan maklumat bahawa masyarakat terdahulu sanggup berkorban nyawa untuk memastikan maruah dan khazanah negara terbela. Mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk mempertahankan tanah air tercinta sehingga ke titisan darah yang terakhir. Kerjasama dan keberanian masyarakat kampung untuk memerangi pihak komunis perlu dihargai kerana berbekalkan senjata tradisional seperti parang, sabit dan sumpit namun tidak mematahkan semangat mereka. Walaupun mereka terkorban, namun perjuangan mereka akan dikenang sehingga ke hari ini.

Seterusnya, pengarang melakukan pelanggaran ke atas cerpen *Cinta Junjungan* (2021) melalui subjek seorang pemuda yang mengaspirasikan sirah Nabi Muhammad S.A.W. dalam mengembangkan dunia perniagaannya. Melalui persoalan sejarah ini, Mana Sikana telah memaparkan sirah perjalanan kerjaya Rasulullah yang berniaga sejak umur belasan tahun sehingga Baginda menjadi ahli perniagaan yang disegani. Hal tersebut dibuktikan melalui petikan teks yang berikut:

“Setelah enam tahun dengan model perniagaan *business to consumer* Baginda mula terlibat dengan model *business to business* pada usia lapan belas tahun.” (*Cinta Junjungan*; 2021)

“Ini menunjukkan perniagaan Baginda semakin meningkat. Pengalaman selama ini, menjadikan Baginda mahir dengan selok belok perniagaan, dan inilah sumber rahsia kejayaannya.” (*Cinta Junjungan*; 2021)

Daripada petikan-petikan tersebut membuktikan bahawa Rasulullah merupakan ahli perniagaan yang mahir dan berpengalaman seperti yang dipaparkan oleh pengarang. Selain membicarakan sirah perniagaan Rasulullah, pengarang juga ada menyelitkan kisah pertemuan Baginda dengan isteri tercinta Baginda, Siti Khadijah yang ketika itu merupakan seorang jutawan Arab.

Cerpen seterusnya adalah *Simulasi Tuan Basurd* (2021). Mana Sikana telah melakukan pelanggaran subjek dan persoalan yang melibatkan sarkastik politik. Dalam cerpen ini, pengarang telah menyampaikan maklumat dalam bentuk penceritaan cerpen yang bakal ditulis oleh seorang pensyarah di universiti. Dalam cerpen yang ditulis, telah dipaparkan gelagat-gelagat calon pemimpin negara untuk merebut jawatan pemimpin negara. Calon-calon pemimpin negara tersebut dengan cara masing-masing berusaha yang terbaik untuk memenangi hati rakyat semasa pilihan raya. Perkara ini dibuktikan dalam petikan teks yang berikut:

“Rasanya tidak ada apa-apa, semua orang nak jadi pemimpin, Kepala Negara... itu perkara biasa, cuma caranya yang harus bersih. Pengarang patut menulis situasi politik dengan rasa bebas dan tidak memihak,” (*Simulasi Tuan Basurd*; 2021).

Melalui petikan ini, pengarang memperjelaskan bahawa dalam penulisan cerita yang berunsurkan politik tidak bersifat terikat. Hal ini demikian setiap individu mempunyai pendapat dan fahaman yang berbeza terutama yang melibatkan politik. Oleh itu, rakyat perlu bijak dalam menilai dan memilih pemimpin negara. Dalam cerpen ini, pada akhirnya Tuan Basurd yang merupakan penasihat calon pemimpin negara telah dipilih sebagai pemimpin negara secara sebulat suara kerana rakyat dan negara memerlukan pemimpin yang bersih, berpengalaman luas dan bersedia untuk menyumbang jasa kepada negara dan bangsa.

KESIMPULAN

Kesimpulan yang dibuat menyoroti kepelbagaian pengalaman dan pengetahuan yang dimanfaatkan oleh Mana Sikana dalam proses mencipta karyanya. Secara khusus, pengalaman sebagai guru, pensyarah, penulis, penteoris dan pengkritik sastera memberikan landasan yang kukuh bagi karya-karya beliau. Selain itu, pengalaman peribadi serta persepsi dari penglibatan dan pendengaran turut memberikan dimensi tambahan yang mendalam dalam pembentukan karya-karyanya.

Penekanan diberikan kepada keberanian Mana Sikana dalam mengangkat isu-isu yang relevan dengan kehidupan sehari-hari dan kemudian mengolahnya menjadi karya seni. Watak-watak dalam ceritanya tidak hanya menjadi perwatakan biasa, tetapi mereka hidup dan memberikan kesan yang besar kepada pembaca. Ini menunjukkan kebolehan pengarang dalam mempersembahkan kisah-kisah yang bermakna dan relevan kepada khalayak.

Selain itu, pengkaji mencatat keberanian Mana Sikana dalam meneroka subjek-subjek yang berpotensi kontroversi atau sensitif seperti politik, patriotisme, sejarah dan kehidupan manusia. Melalui inovasinya, beliau tidak hanya menulis cerita untuk menghibur tetapi juga untuk memberikan pandangan yang mendalam kepada pembaca terutamanya generasi muda. Tindakan ini dapat dianggap sebagai sumbangan yang signifikan dalam masyarakat dengan menggalakkan pemikiran kritis dan kesedaran terhadap isu-isu penting.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada penyelia, Prof. Madya Dr. Norazimah binti Zakaria serta rakan penyelidik Mardiah Mawar Kembaren dari Universitas Sumatera Utara di atas perkongsian ilmu serta meluangkan masa dalam menyempurnakan makalah ini. Selain itu, ribuan terima kasih serta penghargaan kepada pihak Institut Pengajian Siswazah (IPS), Fakulti Bahasa dan Komunikasi serta UPSI kerana menyediakan ruang, kemudahan dan platform dalam penghasilan makalah ini. Segala sokongan, bantuan kewangan dan ilmiah amat dihargai dalam merealisasikan penulisan artikel peradaban Melayu ini.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2011). Proses Kreativiti A. Samad Said berasaskan teori teksdealisme. *Jurnal Melayu*, (6), 153-168.
- Ahmad Zaidi Baharuddin & Ani Omar. (2018). Pemikiran Mana Sikana dalam drama. *EDUCATUM – Journal of Social Science (EJOSS)*, Vol 4, (32-39).
- Ani Hj Omar. (2011). *Apresiasi teori kesusasteraan Melayu*. Tanjong Malim, Perak.
- Ghazali Din. (2016). *Kepengarangan Muhammad Haji Salleh berasaskan model proses kreatif teksnaluri*. Tesis ijazah doktor falsafah. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjong Malim.
- Khatijah Rahim & Norazimah Zakaria. (2024). Prinsip kehadiran dalam cerpen-cerpen beraliran realisme Mana Sikana. *International Journal of Modern Education (IJMOE)*, Vol 6 (23), 155-167.
- Mana Sikana. (1996). *Teori Teksdealisme*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. (1995). *Bekor*. Kuala Lumpur: Nusa Centre.
- Mana Sikana. (2012). *Teori sastera kontemporari*. Bangi: Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2013). *Berdiri di akar diri: Kritikan sastera Melayu moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2021). *Cinta junjungan*. Kuala Lumpur: Nusa Centre.
- Mana Sikana. (2021). *Simulasi Tuan Basurd*. Kuala Lumpur: Nusa Centre.
- Mana Sikana. (2023). *Kumpulan cerpen cinta junjungan*. Kuala Lumpur: Nusa Centre.
- Manonmani Devi Annamalai & Latha Murugusu. (2022). Kepengarangan Mu. Anbuchelvan dari perspektif teori Teksdealisme. *Journal of Education and Social Science*, Vol. 22, (1), (56-66).
- Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din & Phaosan Jehwae. (2020). Keunggulan kepengarangan novel-novel terpilih Anwar Ridhwan. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, Vol. 11, (1), (68-87).
- Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2020). Analisis dakwah dalam cerpen-cerpen terpilih Rejab F.I. . *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, Vol. 8 (2), (49-59).
- Rosanita Hussin. (2018). *Psikologi kanak-kanak dalam cerpen-cerpen terpilih Zaharah Nawawi*. Tesis ijazah sarjana. Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang.